



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN
(b) Taraf Jawatan : PERKHIDMATAN SECARA PERSONEL MySTEP
(c) Kementerian / Jabatan : PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2. Gaji Minima Yang Ditawarkan : RM 1,900.00 / sebulan
3. Syarat Lantikan Wajib :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau;
 - (d) Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (e) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (f) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Syarat Tambahan : Keutamaan kepada calon yang mempunyai kemahiran dalam menggunakan perisian seperti *Adobe Photoshop*, *Adobe Illustrator*, *Adobe Premiere Pro* dan *Adobe After Effects*.
5. Fungsi Bidang Tugas :
 - (a) Bertanggungjawab menghasilkan kandungan kreatif untuk kegunaan media sosial;
 - (b) Bertanggungjawab menghasilkan penulisan artikel, laporan, minit mesyuarat dan kenyataan akhbar;
 - (c) Bertanggungjawab menggunakan Kamera DSLR untuk mengambil dan menyunting gambar atau video;
 - (d) Bertanggungjawab menghasilkan rekaan grafik secara visual dengan baik dan kreatif;
 - (e) Bertanggungjawab menghasilkan / menyunting video dengan baik dan kreatif;
 - (f) Menolong mengawal selia media sosial dan laman web jabatan; dan
 - (g) Menolong dalam penganjuran acara jabatan dari persiapan sehingga selesai.
6. Kemudahan :
 - (a) Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat seperti berikut:
 - i. Elaun Perjalanan Kenderaan;
 - ii. Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing;
 - iii. Elaun Harian (bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang daripada 24 jam; dan
 - iv. Elaun Makan (bertugas luar pejabat bagi tempoh 24 jam atau lebih).
 - (b) Caruman KWSP dan caruman PERKESO;
 - (c) Cuti Rehat 12 hari setahun, dikira secara purata (*pro rate*) berdasarkan tempoh kontrak;



(d) Cuti Sakit 14 hari setahun, dikira secara purata (*pro rate*) berdasarkan tempoh kontrak.

7. Cara Memohon

: (a) Pemohon hendaklah memastikan semua salinan dokumen diakui sah dan menghantar dokumen – dokumen dibawah **MENGIKUT SUSUNAN** berikut:

- i. Resume Calon (berserta gambar berukuran passport);
- ii. Salinan Kad Pengenalan;
- iii. Salinan Sijil Kelahiran;
- iv. Salinan Sijil Tamat Persekolahan;
- v. Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- vi. Salinan Diploma / Ijazah berserta transkrip (sekiranya ada);
- vii. Pengiktirafan kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil daripada JPA / MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS); dan
- viii. Lain-lain dokumen sokongan.

(b) Ke alamat:

E-mel : jobvacancy@mda.gov.my
Tajuk / : **PERMOHONAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI**
Subjek **PENERANGAN (PERSONEL MySTEP)**
e-mel

(c) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Surat Pengesahan Perkhidmatan yang terkini.

(d) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.

(e) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

(f) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

8. Tarikh Tutup Permohonan : 17 Februari 2023 (Jumaat) jam 3.00 petang



(SALBIAH BT YAA'KOP)
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 3 Februari 2023

